
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2015/2016

Disember 2015/Januari 2016

**HMT 508 – SOSIOLINGUISTIK DAN PSIKOLINGUISTIK
BAHASA MELAYU LANJUTAN**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Jawab EMPAT soalan. Jawab Soalan No. 1, 2 dan 3 yang diwajibkan daripada Bahagian A. Jawab mana-mana SATU soalan daripada Bahagian B.
2. Tulis nombor 1 hingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

Bahagian A: Jawab SEMUA soalan.

1. Jawab soalan [a], [b] dan [c] dengan menggunakan laras dalam **Petikan 1**.

Petikan 1

Bahasa Mahkamah

8. Segala prosiding (selain pemberian keterangan oleh seseorang saksi) dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam bahasa kebangsaan: Dengan syarat bahawa Mahkamah boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam mana-mana prosiding dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan dalam prosiding itu, memerintahkan supaya prosiding itu (selain pemberian keterangan oleh seseorang saksi) dijalankan sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris.

Sumber: *Undang-undang Malaysia Cetakan Semula Akta 32 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006)* (<http://www.agc.gov.my/Akta/Vol.%201/Akta%2032.pdf>)

- [a] Huraikan aspek medan, mod dan peserta (Halliday 1976) yang membentuk laras dalam **Petikan 1**.

[9 markah]

- [b] Dengan menggunakan mana-mana bahagian daripada **Petikan 1**, jelaskan maksud pernyataan laras berbeza dari segi bentuk bukan makna.

[4 markah]

- [c] Dengan menggunakan maklumat dalam [a] dan [b], alihkan laras dalam **Petikan 1** kepada laras umum.

[12 markah]

2. Jawab soalan [a] dan [b].

[a] Huraikan secara ringkas langkah-langkah dalam perancangan bahasa Holmes (2013) dengan mengambil kira pendapat Abdullah Hassan (1994).

[12.5 markah]

[b] Dengan mengambil kira pendapat Fishman (2006) berkaitan dengan bahasa ibunda, bincangkan dengan kritis bersertakan contoh yang sesuai, DUA perkara berkaitan dengan keperluan perancangan bahasa di Malaysia yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum.

[12.5 markah]

3. Jawab soalan [a], [b] dan [c].

[a] Dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan secara kritis **masalah ketidakberubahan** dalam persepsi pertuturan.

[10 markah]

[b] Kenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada **masalah ketidakberubahan** dalam persepsi pertuturan.

[10 markah]

[c] Hubung kaitkan **masalah ketidakberubahan** dalam [a] dengan pengecaman pertuturan berkomputer.

[5 markah]

Bahagian B: Jawab SATU soalan.

4. Jawab soalan [a], [b] dan [c]. Soalan [c] menggunakan maklumat dalam **Jadual 1**.

[a] Jelaskan konsep daya hidup atau vitaliti bahasa.

[2.5 markah]

[b] Huraikan secara ringkas sembilan kriteria (UNESCO 2003) yang menentukan daya hidup atau vitaliti bahasa dalam komuniti bahasa.

[13.5 markah]

[c] **Jadual 1** menunjukkan data hipotetikal peratusan penghilangan domain penggunaan bahasa peribumi X dalam sebuah komuniti bahasa peribumi di Malaysia. Rumuskan dengan alasan yang sesuai, tahap keterancaman, gred dan domain serta fungsi bahasa peribumi X dalam komuniti ini dengan merujuk kepada skala bahasa terancam yang disertakan dan situasi kebahasaan di Malaysia.

[9 markah]

Jadual 1							
Bahasa	Domain	Peratus Kekerapan Penggunaan					
		1 Tidak pernah	2 Jarang- jarang	3 Sekali sekala	4 Kerap	5 Sepanjang masa	n
Bahasa Peribumi X	Keluarga	3	-	17	8	72	100
	Masyarakat	4	6	6	22	62	100
	Agama	12	10	10	0	68	100
	Adat Istiadat	34	8	11	9	38	100
	Perubatan Tradisional	32	1	9	11	47	100
	Majlis Formal	50	23	25	1	1	100
	Tempat Kerja	80	13	3	3	1	100
	Pendidikan	70	30	-	-	-	100
Skala Bahasa Terancam							
Tahap Keterancaman	Gred	Domain dan Fungsi					
Penggunaan sejagat	5	Bahasa digunakan dalam semua domain untuk semua fungsi.					
Kesetaraan multilingual	4	Dua atau lebih dua buah bahasa mungkin digunakan dalam kebanyakan domain sosial untuk kebanyakan fungsi.					
Penyusutan domain	3	Bahasa digunakan dalam domain rumah tangga untuk banyak fungsi tetapi bahasa dominan mula menembusi domain rumah tangga ini.					
Domain terhad atau domain formal	2	Bahasa digunakan dalam domain sosial yang terhad untuk sebilangan fungsi.					
Domain yang sangat terhad	1	Bahasa hanya digunakan dalam domain yang sangat terhad untuk fungsi yang sangat sedikit.					
Pupus	0	Bahasa tidak digunakan dalam mana-mana domain untuk apa-apa fungsi					
(Brenzinger et al. 2003)							

5. Dengan merujuk kepada mana-mana sarjana yang berkaitan, bincangkan TIGA perkara yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam konteks komuniti multilingual. Kaitkan perbincangan dengan mengambil kira repertoire linguistik anda dan masyarakat sekeliling.

[25 markah]

6. Jawab soalan [a] dan [b].

[a] Kemukakan penilaian anda mengenai keterangan yang mengimplikasikan bahawa kesilapan-kesilapan pertuturan adalah sangat penting bagi kajian penghasilan pertuturan.

[12.5 markah]

[b] Dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan jenis-jenis maklumat yang dapat diperoleh daripada kesilapan-kesilapan pertuturan.

[12.5 markah]